



GARIS PANDU PENYEDIAN DAN PEMASANGAN LAMPU JALAN

Bermula serta merta, Jabatan Perkhidmatan Elektrik (JPE) tidak lagi menanggapi (melayani) permohonan mendapatkan lampu-lampu jalan dari orang ramai atau mana-mana agensi.

A. Garis-pandu Jabatan setelah menerima permohonan:

1. Jabatan menerima permohonan mendapatkan lampu jalan dari pemohon (melalui surat atau sebagainya);
2. Jabatan membalas surat di atas dengan menerangkan ketetapan terkini (contoh surat disertakan);

B. Garis-pandu perbekalan dan pemasangan lampu

1. Semua lampu yang dipasang mestilah mengikut spesifikasi Jabatan dan berdaftar dalam **Vendor List JPE**;
2. Semua pemasangan mestilah dibuat berselang-seli (alternate poles) bagi yang menumpang di tiang-tiang elektrik sedia ada;
3. Semua pemasangan mestilah dibuat oleh pemborong yang berdaftar dengan JPE;
4. Semua pemasangan mestilah dimaklumkan dan mendapat kebenaran bertulis JPE terlebih dahulu. Ini bermakna pemborong yang dilantik mestilah menghubungi unit tertentu dalam JPE untuk kebenaran dan urusan pemasangan;
5. Pemohon bertanggung-jawab sepenuhnya untuk menyediakan semua peralatan lampu-lampu awam serta barang-barang lain yang diperlukan seperti cable, controller, tiang, arm bracket dan sebagainya (mengikut spesifikasi JPE);
6. Pemohon bertanggung-jawab sepenuhnya menyediakan peruntukan untuk pemasangan (termasuk penyediaan barang-barang di atas) dan lampu yang dipohonkan
7. Pemohon bertanggung-jawab untuk melantik sendiri pemborong bagi membekal lampu jalan dan membuat pemasangannya, yang mana terdiri dari pemborong yang berdaftar dengan JPE;
8. Semua lampu serta kerja yang berkaitan denganya dijamin oleh Pemohon untuk jangka masa **3 tahun dari tarikh pemasangan**. Ini bermakna Pemohon bertanggung-jawab untuk membaiki atau mengganti lampu-lampu tersebut jika mengalami kerosakan dalam masa tiga tahun selepas dipasang dengan semua kos ditanggung oleh Pemohon;
9. Keputusan JPE memberi kebenaran atau tidak adalah muktamat.
10. Keputusan JPE dalam memberi spesifikasi pemasangan (mengikut situasi kedudukan yang dicadangkan) adalah muktamat. Sebagai contoh, JPE hanya membenarkan pemasangan satu biji lampu di kawasan yang dibenarkan meski pun kawasan tersebut mempunyai tiga batang tiang;